

Berjaya ketengah pahit getir firma pelancongan



SENTIASA SEGAR: Tanggapan Encik Fazli (*tengah*) dan teman-temannya (*dari kiri*) Cik Tay Qi Yin, Cik Abigail Lim Chia Khim Hoon, Encik Stessen Chia Ding Shen dan Encik Terrence Huang terus berubah apabila mengenali perniagaan Chan Brothers dengan lebih rapat. – Foto-foto M.O. SALLEH

BAGI Encik Muhammad Fazli Jamil, tiada yang istimewa mengenai agensi pelancongan Chan Brothers Travel dan menganggapnya sama seperti kebanyakan agensi pelancongan yang lain.

Tetapi, tanggapan awalnya itu terus berubah apabila beliau dan rakan-rakannya berpeluang menyelami sejarah dan pahit getir syarikat itu dalam industri pelancongan sepanjang 50 tahun lalu.

Kekentalan semangat syarikat itu bertakat telah membuat Encik Muhammad Fazli, 24 tahun, kagum dengan agensi pelancongan itu.

Beliau dan lima rakan sekolahnya dari Insti-

tut Teknologi Singapura (SIT) – Sekolah Keselamatan Glasgow itu adalah juara pasukan universiti bagi kategori syarikat sederhana kerana berjaya mengetengahkan nilai dan perjuangan Chan Brothers dalam pameran mereka.

“Semasa ditugaskan bekerjasama dengan Chan Brothers, saya memutuskan turun ke pejabatnya dan melihat sendiri bagaimana perniagaan harian dijalankan.

“Tetapi pengalaman bertemu dan berkenalan dengan pengasasnya yang dikenali sebagai Papa Chan banyak membuka mata saya dan menyedarkan kami tentang perjuangan mereka dalam membantu membentuk sektor

pelancongan Singapura pada hari ini,” ujar penuntut itu.

Salah satu nilai yang menjadi inspirasinya sebagai generasi muda ialah kesediaan syarikat itu untuk sentiasa membuat penyesuaian berdasarkan sekitaran yang berubah.

“Saya sedar ia bukan sekadar sebuah syarikat pelancongan yang menjual tiket atau pakej. Ia mengingatkan saya bahawa persaingan akan berada di mana sahaja khususnya bagi sebuah negara kecil seperti Singapura, tetapi kita mampu melangkah jauh jika mahu menyegarkan diri dan membuat perubahan,” tambahnya.